



Bank Pilihan Anda

## SIARAN MEDIA

### **BANK RAKYAT PERKASA USAHAWAN TEMPATAN DI MAKKAH HALAL FORUM 2026**

**KUALA LUMPUR, 15 FEBRUARI 2026** – Bank Rakyat mengorak langkah proaktif dalam memperkasa usahawan tempatan melalui penyertaan strategik dalam Makkah Halal Forum 2026, selaras dengan aspirasi “Hebatkan Perniagaan Malaysia” oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Rakyat, Ahmad Shahril Mohd Shariff berkata menerusi inisiatif ini, Bank Rakyat membawa lima syarikat tempatan yang merupakan pelanggan Bank berkenaan untuk meneroka peluang dagangan, menyertai sesi *Business-to-Business* melibatkan pemain industri antarabangsa serta membina jaringan strategik di pasaran Timur Tengah.

“Melalui penyertaan ini, Bank Rakyat bertindak sebagai pemudah cara yang menghubungkan usahawan tempatan kepada peluang dagangan global, rakan strategik dan pasaran bernilai tinggi, sekali gus mempercepatkan penembusan produk Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Bank Rakyat menjangkakan inisiatif ini berpotensi menjana jualan eksport mencecah hampir RM2 bilion, sekali gus memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pemain penting dalam industri halal global serta membuka lebih banyak peluang kepada usahawan tempatan,” ujar Ahmad Shahril.

Antara lima syarikat tempatan yang terpilih termasuk Ayamas Integrated Poultry Industry Sdn Bhd, Jaman Tory Food Industries, Agro 19 Berhad, Ramly Food Processing Sdn Bhd dan A&A Empire Sdn Bhd (Bokitta).

QSR Trading Sdn Bhd, pengendali rangkaian jenama Ayamas, berkata menerusi inisiatif ini, syarikat berkenaan akan mengetengahkan rangkaian jenama di bawah cabang pemasarannya termasuk Ayamas, Ayamas Kitchen, Life, Kewpie, Fatboi dan Lactima. “Tahun ini juga menyaksikan perancangan pelancaran pelbagai produk sejuk beku baharu



Bank Pilihan Anda

berasaskan sumber laut serta kategori tepung dan kentang goreng bagi memenuhi permintaan pasaran yang semakin berkembang,” katanya.

Jaman Tory Food Industries pula berkata penyertaan menerusi Makkah Halal Forum 2026 melengkapkan siri ekspo antarabangsa syarikat berkenaan selepas Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) dan Gulfood Dubai. “Kami mempunyai pengedar dan rakan strategik eksklusif di Dubai dan forum ini membuka peluang untuk memperluas bekalan produk pes kami ke pasaran Arab Saudi. Kami juga merancang untuk memeterai perjanjian bersama Taj Food Industries untuk pembekalan kepada jemaah haji 2026,” ujarinya.

Sementara itu, A&A Empire Sdn Bhd (Bokitta) berkata syarikat berkenaan sentiasa terbuka untuk meneroka kolaborasi strategik bersama pemain industri dan institusi kewangan untuk memperkasa jenama tempatan. “Kami turut merakamkan penghargaan kepada Bank Rakyat atas komitmen berterusannya dalam menyokong pertumbuhan usahawan tempatan,” katanya.

Agro 19 Berhad berkata penyertaannya memberi peluang untuk memperluas pasaran khususnya bagi produk *vegetable ghee* dan minyak sawit di Arab Saudi. “Kami juga merancang untuk menubuhkan kemudahan pemprosesan di Arab Saudi bagi memperkukuh penembusan pasaran Timur Tengah dan Afrika. Inisiatif Bank Rakyat ini amat signifikan dalam membantu syarikat tempatan berkembang ke luar negara,” tambahnya.

Ramly Food Processing Sdn Bhd pula berkata Makkah Halal Forum 2026 adalah langkah strategik dalam usaha membina rangkaian baharu pembuatan produk halal sejuk beku ternama Malaysia di pasaran Timur Tengah. “Ruang yang diberikan akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperoleh rakan usaha niaga baharu, di samping mempertingkatkan inovasi produk serta memastikan pematuhan kepada piawaian dan akreditasi eksport antarabangsa,” ujarinya.

Makkah Halal Forum 2026 telah berlangsung pada 14 hingga 16 Februari 2026 di Makkah Chamber for Exhibitions and Events Centre, Arab Saudi, bertemakan “*Halal: A Professional Industry*”.

**-TAMAT-**